



Ruj. Kami : KPMSP.600-6/1/15 JLD4 ()
Ruj. tuan : PGTF/2016/03/01
Tarikh : 6 Jun 2016
| Ramadhan 1437H

Pengerusi
Pan-Malaysia Global Taekwon-Do Federation (PGTF)
No: 403, Jalan C9
Taman Melawati
53100 Kuala Lumpur

Tuan,

KEBENARAN UNTUK MENJALANKAN AKTIVITI TAEKWONDO DI SEKOLAH-SEKOLAH SELURUH MALAYSIA BAGI TAHUN 2016

Dengan hormatnya surat tuan adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian ini tiada halangan atas permohonan tersebut. Walau bagaimanapun, kelulusan ini adalah terhad kepada urusan antara pihak tuan dengan pihak pengurusan sekolah sahaja bagi hal-hal yang berkaitan dengan perkara tersebut di samping mematuhi syarat-syarat berikut:

- 2.1 Mendapat kebenaran daripada Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan Pengetua / Guru Besar;
- 2.2 Hanya jurulatih bertauliah dan berdaftar dengan badan induk persatuan sahaja yang dibenarkan mengajar di sekolah-sekolah;
- 2.3 Penyertaan guru dan murid mestilah tidak mengganggu dan menjelaskan proses pengajaran dan pembelajaran;
- 2.4 Tiada unsur paksaan kepada sekolah, guru dan murid untuk menyertai program tersebut;
- 2.5 Pengajaran / latihan hendaklah dilaksanakan dalam waktu kegiatan kokurikulum atau pada hujung minggu tanpa menjelaskan proses pengajaran dan pembelajaran;
- 2.6 Pihak tuan dipohon agar mengemukakan satu salinan laporan tahunan persatuan (sekali setahun) dan salinan laporan program (30 hari selepas program) bagi aktiviti-aktiviti yang dijalankan dan;

2.7 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah dan guru.

3. Kelulusan ini hanya untuk tujuan "**Menjalankan Aktiviti Taekwondo di Sekolah-Sekolah Seluruh Malaysia Bagi Tahun 2016**" dan luput selepas tarikh **31 Disember 2016**.


Sekian, terima kasih.

"SEHATI SEJIWA"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"PERPADUAN MELALUI KOKURIKULUM"

Saya yang menurut perintah,



(ROZAINUM BINTI AHMAD)

Pengarah

Bahagian Kokurikulum dan Kesenian

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Pendidikan Malaysia